

News Alert – Urgent Topics (11 April 2019)

Isu 1: Hubungan Malaysia – Singapura

Tajuk: Sesi Pemukiman Ke-9 Pemimpin-Pemimpin Malaysia – Singapura

Sumber: Utusan Malaysia

Sinopsis:

Malaysia dan Singapura bersetuju untuk menyelesaikan isu-isu bilateral yang tertangguh termasuk Perjanjian Air 1962 secara konstruktif dalam semangat setia kawan. Selain air, isu-isu tertangguh lain membabitkan kedua-dua negara yang turut dibincangkan adalah sempadan maritim, ruang udara, projek kereta api dan kesesakan di Tambak Johor.

Pada masa sama kedua-dua pihak turut membangkitkan kekhawatiran mengenai masalah pencemaran di Sungai Johor dan keupayaan Singapura untuk terus membekalkan air sebanyak 250 juta galen air mentah sehari seperti dipersetujui dalam perjanjian berkenaan.

Komen:

1. Sejauh manakah kedua-dua pihak mampu bekerjasama untuk menyelesaikan isu-isu bilateral secara lebih baik serta berkesan memandangkan trek rekod Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diketahui kurang memberangsangkan dan menyenangkan bagi pihak Singapura.

2. Bagaimanakah kerjasama di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan Singapura dapat melenturkan ketegangan krisis yang tercetus ketika ini antara Tun Dr. Mahathir dan pihak Istana Johor?

Isu 2: Pembayaran Cukai oleh Menteri dan bekas Menteri kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Tajuk: Arahan Perdana Menteri kepada LHDN

Sumber: Sinar Harian

Sinopsis:

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa bekas-bekas menteri kerajaan terdahulu dan barisan Menteri Pakatan Harapan akan berhadapan LHDN sekiranya gagal membayar cukai. Perkara ini adalah susulan pada 1 April yang lalu, LHDN telah menuntut cukai tambahan daripada bekas Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak sebanyak RM1.5 bilion bermula 2011 hingga 2017 yang dikatakan tidak mengisytihar harta kira-kira RM4bilion dalam tempoh tersebut.

Komen:

1. Sejauh manakah ketelusan yang boleh dijamin oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan barisan kabinet PH juga tidak terlepas dari dikenakan tindakan oleh pihak LHDN sekiranya gagal membayar cukai sebagaimana yang dikenakan terhadap barisan kepimpinan Barisan Nasional?